



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
29 SYA'ABAN 1442 HIJRAH / 12 APRIL 2021**

**MAKLUMBALAS LAPORAN BERITA BERKENAAN PELAWAT ASING PERLU
MENINGGALKAN NEGARA INI PADA 21 APRIL 2021**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merujuk kepada beberapa laporan berita berkenaan warga asing yang memegang Pas Lawatan Sosial (PLS) perlu meninggalkan negara ini pada 21 April 2021.

JIM memahami terdapat dalam kalangan pelawat asing ini yang menghadapi kesukaran untuk pulang ke negara mereka atas faktor ketiadaan penerbangan dan situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara asal mereka.

Dalam perkara ini JIM telah menjumpai beberapa kes penyalahgunaan PLS oleh pelawat asing ini melalui operasi penguatkuasaan yang dijalankan. Antaranya mereka bekerja di pusat hiburan, rumah urut dan melibatkan diri dengan aktiviti pelacuran, *scammer* serta lain-lain kesalahan yang melanggar undang-undang. Sepanjang tahun 2020 dan 2021 sehingga hari ini JIM telah menjalankan sebanyak 291 operasi penguatkuasaan ke atas premis hiburan dan rumah urut. Hasilnya seramai 1,281 warga asing dan 83 majikan telah ditahan.

Warganegara asing yang diberi kebenaran untuk tinggal di negara ini atas PLS berkenaan hendaklah mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Imigresen. JIM juga telah memutuskan supaya warga asing berkenaan meninggalkan negara ini pada 21 April 2021. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil.

Walau bagaimanapun, jika mereka mempunyai kekangan untuk pulang ke negara asal mereka boleh memohon Pas Khas untuk melanjutkan tempoh tinggal di negara ini tetapi perlu disokong oleh kedutaan masing-masing. Dokumen pembuktian mengenai tempat tinggal dan kemampuan kewangan sepanjang berada di negara ini hendaklah disertakan.

#TAMAT#

DATO' INDERA KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA PENGARAH
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA